



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK; MATLAMAT RAMADAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## “MATLAMAT RAMADHAN”.1

|  |   |
|--|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ<br/>عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾<sup>1</sup></p>   | 2 |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.<br/>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>  | 3 |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ<br/>فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>  | 4 |
| <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ<br/>إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>   |   |
| <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p> <p>Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p> | 5 |
| <p>Hayatilah khutbah pada hari ini yang bertajuk; “<b>MATLAMAT RAMADAN</b>”.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>   | 6 |

<sup>1</sup> al-Baqarah : 183



Alhamdulillah kita menempuh kembali bulan Ramadan. Keberadaan kita di dalam bulan yang mulia ini perlu disyukuri sebenar-benarnya. Kesyukuran bukan sahaja terucap di bibir mulut tetapi juga perlu dihayati dengan tindakan kita. Kesyukuran sebenarnya akan timbul apabila kita mengetahui Ramadan dan kebaikan yang ada di dalam bulan ini. Definisi puasa dari segi adat ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan dan minum. Dari segi Syariat Islam, puasa bermaksud menahan diri daripada sebarang perkara yang membatalkannya bermula dari terbit fajar hingga matahari terbenam dengan niat puasa.

7

Apabila datangnya Ramadan, Rasulullah SAW begitu senang dan seronok dengan kedatangannya. Para sahabat Radhiallahu'anhum turut bergembira. Ini disebabkan Ramadan datang dengan banyak kelebihan dan keutamaan. Baginda SAW dan para sahabat menunjukkan kegembiraan dan kesyukuran dengan perbuatan dan amalan iaitu taat dan patuh dalam menunaikan perkara yang fardhu dan sunat sepanjang bulan ini.

8

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu'anhu bahawa baginda SAW bersabda:

إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فَتُحَّتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ

9

*“Apabila Ramadhan tiba, pintu syurga dibuka, pintu neraka ditutup, dan syaitan-syaitan dibelenggu.”*

*(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

10



Justeru, umat Islam diseru melakukan yang terbaik bagi menghargai kesempatan yang ada ini sebagai insan terpilih bertemu Ramadan pada kali ini. Seseorang muslim yang merindukan ketibaan bulan Ramadan ini pasti sangat bersyukur dan bergembira atas nikmat yang banyak kerana terpilih untuk meraih sebesar-besar anugerah yang hanya diberikan oleh Allah SWT. Malah setiap individu Muslim perlu merasakan Ramadan kali ini adalah yang terakhir dalam hidup mereka sehingga membangkitkan motivasi untuk beramal dengan seikhlas jiwa dan raga. Sementara itu bagi golongan yang lalai, kedatangan Ramadan pasti meresahkan dan akan disambut dengan pelbagai alasan untuk tidak berpuasa. Mereka ini diingatkan supaya bertaubat dan berusaha untuk melaksanakan kewajipan ini kerana ia akan dipersoalkan pada hari kemudian.

11

Setiap Muslim yang ikhlas menyambut kehadiran Ramadan akan berusaha menyucikan diri daripada kekotoran zahir dan batin sepanjang Ramadan seterusnya meninggalkan amalan-amalan buruk dan hati yang kotor seperti bersikap hasad dengki, memfitnah, mengadu domba, menghasut, bermusuhan sesama muslim, memutuskan tali persaudaraan, tidak bertegur sapa antara rakan atau saudara mara, melakukan pembaziran dalam berbuka puasa malah sering terjadinya penipuan dalam penjualan makanan yang kotor, tidak halal, penipuan timbangan dan sebagainya yang kesemuanya hendaklah dihindari supaya jiwa kita terdidik dan rohani akan subur dengan sifat takwa kepada Allah SWT.

12

Ia juga bertepatan dengan pendidikan Ramadan yang terfokus kepada melawan dan menghalang runtunan hawa nafsu yang sentiasa mengintai peluang untuk merosakkan manusia dengan perlakuan negatif dan jahat. Pendidikan Ramadan yang menggalakkan kita agar sentiasa bermuhasabah atas kekurangan diri dan segala ujian yang menimpa. Bahkan pendidikan Ramadan itu sebenarnya dapat membentuk dan meningkatkan kesabaran dalam diri setiap insan yang berpuasa dengan ikhlas.

13



Setiap Muslim juga perlu mengikhlaskan niat semata-mata melaksanakan ibadah puasa kerana Allah SWT. Ini kerana setiap amalan akan dinilai berdasarkan niat melakukannya. Sementara itu niat yang betul kerana Allah SWT berupaya mendorong seseorang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh pelbagai ganjaran di bulan Ramadan. Adalah tidak bagus jika matlamat dan tujuan berpuasa yang hadir setahun sekali ini diarahkan semata-mata untuk persiapan menyambut hari raya yang masih jauh sedangkan Ramadan yang wujud di depan mata terabai dan tidak dipedulikan. Sepatutnya kecenderungan seperti itu hendaklah diganti dengan amalan-amalan bagi menghidupkan siang hari dan malam-malam Ramadan dengan pelbagai amalan soleh yang akhirnya dapat mencapai matlamat menjadi hamba yang bertakwa.

14

Bagi meraih bonus dan ganjaran Allah SWT yang berlipat ganda dan tidak ternilai sewaktu Ramadan, penjagaan dari sudut fizikal dan mental perlu dilakukan. Betapa pentingnya untuk kita menjaga kesihatan tubuh badan, kesediaan mental untuk melawan nafsu tidur, makan dengan berlebih-lebihan serta keinginan lain yang boleh menjejaskan kesempurnaan dan menghilangkan pahala puasa. Disamping itu juga, penyediaan kewangan dan material juga amat penting untuk memperbanyak amalan bersedekah dan menyumbangkan juadah berbuka puasa kepada yang memerlukan.

15



Hadis daripada Zaid bin Khalid al-Juhani Radhiallahuan’hu bahawa Rasulullah SAW telah bersabda;

16

مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا

*“Sesiapa yang menjamu makanan berbuka kepada orang yang berpuasa, maka dia akan memperolehi pahala seperti pahala orang yang berpuasa itu tanpa dikurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu.”*

17

*(Riwayat Al- Tirmidzi)*

Justeru, rebutlah keistimewaan yang dikurniakan ini dengan banyak bersyukur melalui amal ibadat yang ikhlas, mudah-mudahan ia menjadi asas untuk amalan kebaikan kita sepanjang hayat. Ingatlah betapa pentingnya sifat ikhlas itu lebih-lebih lagi dalam beramal ibadah

18

sehinggakan Nabi SAW mengingatkan kita bahawa sebahagian daripada manusia itu berpuasa hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja disebabkan perbuatan mereka yang menghilangkan pahala puasa. Baginda SAW memberi amaran dalam hal ini melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu’anhu bahawa Rasulullah SAW telah bersabda;

19

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ



“Boleh jadi seseorang yang berpuasa itu, tidak memperolehi apa-apa pun daripada puasanya melainkan hanya lapar semata-mata”.

21

(Riwayat Al-Nasaie dan Ibnu Majah)

### Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa isi penting khutbah ini sebagai panduan kita bersama iaitu;

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ibadah puasa Ramadan adalah difardhukan ke atas setiap muslim yang mukallaf dan akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat nanti.
2. Umat Islam hendaklah berusaha melaksanakan ibadah yang berkualiti sepanjang Ramadan seterusnya mencapai matlamat menjadi hamba Allah yang bertakwa.
3. Umat Islam hendaklah berusaha dengan sebaik mungkin melaksanakan ibadah puasa yang diperintahkan sama ada puasa zahir dan batin bagi mendapatkan sebaik ganjaran daripada Allah SWT.

22

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى  
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى  
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ  
وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُم وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran menjadi petunjuk dan hidayah bagi seluruh manusia dan menjadi bukti-bukti yang nyata yang menjelaskan hidayah dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Maka sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah dia berpuasa bulan itu. Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka hendaklah dia mengganti sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah mahukan kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak mahu kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu sempurnakan bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu membesarkan Allah di atas apa yang Dia tunjukkan kepada kamu supaya kamu bersyukur.”

(Surah Al-Baqarah : 185).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

|   |   |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،   |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.     |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.   |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.  |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾   |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ اعِزِّزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.   |



|  |    |
|--|----|
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،  | 9  |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.  | 10 |
| اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،   | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.  | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.   | 17 |



|  |    |
|--|----|
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.<br/>رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p> | 18 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ<br/>عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>                   | 19 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ<br/>فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>                    | 20 |